



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PULAI**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

21 APRIL 2015

KENYATAAN MEDIA YB DATUK NUR JAZLAN TAN SRI MOHAMED BERHUBUNG DAKWAAN KONTRAKTOR MENGENAI KETIDAKLEWATAN PROJEK PEMBINAAN DEPOH PENYENGGARAAN KTMB DI KEMPAS, JOHOR.

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia bersedia mendengar kenyataan daripada mana-mana pihak termasuk syarikat kontraktor yang didakwa gagal menyiapkan projek milik kerajaan atau agensinya mengikut jadual hingga mengakibatkan kelewatan dalam pembinaannya.

Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan, berkata walaupun kebiasaannya PAC hanya memanggil Kementerian, jabatan atau agensi kerajaan berhubung kegagalan menyiapkan projek milik kerajaan tetapi jawatankuasa berkenaan bersedia mendengar kenyataan daripada syarikat kontraktor terbabit.

‘Kita sememangnya terbuka dalam hal ini, jika ada pihak yang berpendapat PAC tidak mendapat maklumat sebenar kerana hanya mendengar daripada pihak Kerajaan sahaja, syarikat atau individu terbabit boleh datang berhadapan dengan PAC dan memberikan cerita mereka.

“Melalui cara itu, barulah Laporan PAC yang disediakan berhubung isu berkenaan benar-benar lengkap, komprehensif, adil dan seimbang, bukan sahaja kepada kerajaan tetapi juga semua pihak yang terbabit dengan projek terbabit,” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Menyentuh mengenai dakwaan syarikat Hisniaga Sdn Bhd yang menolak kenyataan PAC bahawa Projek Pembinaan Depoh Penyenggaraan KTMB di Kempas, Johor tidak lewat daripada dijadualkan, Nur Jazlan berkata, PAC mengeluarkan kenyataan berkenaan berdasarkan prosiding yang diadakan pada 2 April lalu membabitkan Kementerian Pengangkutan yang diwakili Ketua Setiausahanya, Datuk Dr Ismail Bakar serta pengurusan tertinggi KTMB dan Jabatan Audit Negara.

“Harus diingatkan bahawa Projek Pembinaan Depoh Penyenggaraan KTMB di Kempas, Johor ini, dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 3, 2013 dan dalam prosiding berkenaan, pihak Kementerian Pengangkutan sendiri mengakui projek ini lewat dan ia disahkan oleh Jabatan Audit Negara.

“Sebab itu, kelewatan ini dilaporkan dalam LKAN siri 3 2013 dan jika pihak syarikat Hisniaga Sdn Bhd, mendakwa projek berkenaan tidak lewat, mereka sepatutnya mencabar apa yang dilaporkan dalam LKAN yang sudah dibentangkan akhir tahun lalu,” katanya.

Nur Jazlan berkata, pihak PAC dalam prosiding berkenaan juga dibekalkan dengan dokumen sokongan daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mengenai kedudukan kewangan syarikat Hisniaga Sdn Bhd dan ia menunjukkan prestasi kewangan syarikat itu kurang memuaskan.

Bagaimanapun, beliau berkata, PAC belum memuktamadkan prosiding mengenai Projek Pembinaan Depoh Penyenggaraan KTMB itu dan mengalu-alukan syarikat Hisniaga Sdn Bhd untuk datang berhadapan dengan jawatankuasa berkenaan bagi menjelaskan mengenai perkara sebenar.